

JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN

EDARAN KHAS KPTG BIL 1 TAHUN 2008

PERMOHONAN PERIZAPAN TANAH KERAJAAN BAGI MAKSUD SISTEM PERKHIDMATAN PEMBENTUNGAN

1. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Seksyen 3, Akta Perkhidmatan Pembentungan 1993 (Akta 508) telah diberi kuasa eksekutif berkenaan segala perkara yang berhubung dengan sistem pembentungan dan perkhidmatan pembentungan di seluruh Malaysia. Majlis Tanah-Tanah Negara semasa membincangkan kertas MTN bil. 5/55/1999 dalam mesyuaratnya bertarikh 26 Oktober 1999 telah bersetuju.


- (a) supaya Kerajaan-Kerajaan Negeri merizabkan tanah Kerajaan (termasuk yang asalnya tanah persendirian yang diambil balik dan dibayar pampasannya oleh Kerajaan Persekutuan) yang diperlukan untuk projek pembentungan kepada Kerajaan Persekutuan bagi maksud "simpanan pembentungan" bersesuaian dengan Fasal (7) Perkara 83 Perlembagaan Persekutuan menggunakan seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan dilantik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sebagai Pegawai Pengawalnya dan diselenggarakan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Pembentungan.

- (b) agar tanah-tanah tapak loji rawatan kumbahan (treatment plant) yang masih berdaftar atas nama pemilik, pemaju atau Penguasa Tempatan, dipindah milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan bayaran nominal RM1.00 selot dan kemudiannya PTP akan menyerahkan balik tapak tersebut kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) di bawah Fasal (1) Perkara 86 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 197 KTN 1965 bagi membolehkan PBN mewartakannya sebagai rizab Persekutuan bagi maksud "simpanan pembentungan" dengan dilantik PTP sebagai Pegawai Pengawalnya; dan
- (c) supaya Kerajaan-Kerajaan Negeri membatalkan perizaban tanah-tanah tapak loji pembentungan yang telahpun diwartakan di bawah kawalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Daerah atau Penguasa-Penguasa Tempatan menggunakan seksyen 64 KTN dan seterusnya mewartakan semula di bawah seksyen 62 sebagai "simpanan pembentungan" dengan dilantik PTP sebagai Pegawai Pengawalnya".

2. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 2 September 1998 telah bersetuju supaya selepas diwartakan sebagai rizab Persekutuan, PTP dibenarkan memberi pajakan tanah-tanah rizab pembentungan tersebut kepada Indah Water Konsortium (IWK) melalui peruntukan Fasal (4) perkara 85 Perlembagaan Persekutuan bagi tempoh konsesi (33 tahun) dengan bayaran RM10.00 dan dipinda kepada RM1.00 dalam keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 13 April 2005.

4. Oleh itu sukacita kiranya perkara ini diambil maklum dan dilaksanakan oleh pihak Yang Berbahagia Dato' / tuan selanjutnya di mana yang berkaitan.

Sekian, terima kasih



(DATO' ZOAL AZHA BIN YUSOF)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

Tarikh: 27 Februari 2008